

# YPM sasar 400 pusat Tuisyen Rakyat@KKLW



Para pelajar sedang membuat perbincangan dengan guru subjek bahasa Inggeris.

**BANGI** - Yayasan Pelajaran Mara (YPM) selaku pengendali kelas bimbingan Tuisyen Rakyat@KKLW menyasarkan untuk membuka 400 buah pusat tuisyen di seluruh negara dengan sekurang-kurangnya satu pusat tuisyen bagi setiap parlimen.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Karim Mustafa berkata pihaknya menyasarkan pelajar luar bandar yang terpilih akan semakin maju dalam pelajaran.

"Kita juga bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah supaya menempatkan guru-guru pakar bagi melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran," katanya ketika ditemui ketika membuat lawatan ke kelas bimbingan tuisyen rakyat Sekolah

Menengah Kebangsaan Datuk Abu Bakar Baginda di Bangi.

Sementara itu, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abu Bakar Baginda, Hashim Saryani berkata, beliau berasa bangga dan bertuah kerana sekolah tersebut dipilih menjadi tempat pelaksanaan program Tuisyen Rakyat@KKLW.

Hashim berkata, seramai 10 pelajar dari sekolah-sekolah berhampiran dipilih mengikuti tuisyen berkenaan dan jadual setiap mata pelajaran juga disusun mengikut agar pelajar dapat menyertai tuisyen di samping sesi persekolahan harian.

Dalam pada itu, bagi suri rumah, Rohana Talib, 41, selaku ibu kepada salah seorang pelajar yang ditemui

berkata, beliau bersyukur kerana anak lelakinya terpilih mengikuti Tuisyen Rakyat@KKLW.

Menurut Rohana, beliau juga berterima kasih kepada kerajaan kerana program Tuisyen Rakyat@KKLW memberi fokus kepada anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.

Setiausaha di Fakulti Pengajian dan Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Rosiah Abd Hadi, 56, pula berkata, sejak mengikuti program tersebut, prestasi pelajaran anaknya Ariff Azlin Baharuddin semakin baik dan cemerlang.

"Melalui program ini, anak saya berpeluang mendapatkan tip belajar lebih baik dan berkesan," katanya.